

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SAW302 - Penyelewengan dan Kawalan Sosial/  
SAU206 - Penyelewengan Konflik dan Pengawalan

Masa : [ 3 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

- Jawab semua soalan di Bahagian A.
- Jawab TIGA (3) soalan di Bahagian B.
- Jawab Satu (1) soalan (WAJIB) di Bahagian C.
- Jawab Satu (1) soalan di Bahagian D.

BAHAGIAN A - Soalan-Soalan Objektif

Jawab semua soalan . Gunakan kertas jawapan yang dilampirkan.

1. Teori-teori psikologi dan biologi penyelewengan sosial andaikan bahawa sesuatu keadaan mental dan/atau fizikal membezakan orang yang melaku penyelewengan daripada konformist.  
  
(a) Benar  
(b) Salah
2. Teori-teori tekanan dan kebudayaan penyelewengan andaikan bahawa motivasi untuk melakukan penyelewengan seperti jenayah adalah didorong oleh sifat semulajadi manusia.  
  
(a) Benar  
(b) Salah

3. Teori-teori kawalan sosial bertujuan untuk menjelaskan kenapa orang melakukan salah atau penyelewengan.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
4. Untuk Durkheim punca tingkahlaku penyelewengan adalah dalam kumpulan atau organisasi sosial (dan bukan di dalam individu).
  - (a) Benar
  - (b) Salah
5. Teori "tekanan" andaikan bahawa manusia pada asasnya akan berkonform kepada norma-norma masyarakat.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
6. Menurut teori Disorganisasi Sosial penyelewengan sosial dilakukan oleh orang biasa (normal) dalam adaptasi/penyesuaian mereka kepada alam sekitarnya.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
7. Menurut Shaw dan Mckay, dalam setiap komuniti nilai-nilai berhubung dengan tingkahlaku penyelewengan remaja disampaikan dari satu generasi ke satu generasi yang lain melalui sosialisasi.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
8. Menurut ahli teori Labeling, penyelewengan sosial mempunyai fungsi-fungsi tertentu dalam masyarakat.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
9. Pendekatan Konflik berasaskan konsep makna (meaning) dan tafsiran (interpretation)
  - (a) Benar
  - (b) Salah
10. Menurut ahli teori 'Labeling', penjara adalah sarang pembiakan jenayah.
  - (a) Benar
  - (b) Salah

11. Menurut Ivan Nye, kawalan kedalaman (internalized control) bergantung pada peraturan, hukuman dan denda.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
  
12. Kritikan teori kawalan (containment) Reckless mengatakan bahawa teori ini sukar diuji secara empirikal walaupun ia berjaya menjelaskan mengapa kebanyakan remaja terlibat dalam jenayah ganas.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
  
13. 'Contrologi' (Contrology) merupakan Sosiologi baru mengenai kawalan sosial. Menurut pendekatan ini kefahaman fenomena penyelewengan dan kawalan sosial berasaskan kefahaman cara-cara bagaimana kerajaan atau pihak pemerintah mengawal penduduk yang bermasalah (troubled population).
  - (a) Benar
  - (b) Salah
  
14. Menurut Durkheim, usaha untuk mengujudkan suatu masyarakat yang bebas dari jenayah adalah satu kemuskilan.
  - (a) Benar
  - (b) Salah
  
15. Ahli-ahli teori Marxist (Sosiologi Radical dan Sosiologi Kritikal) menumpukan cara-cara bagaimana kuasa sistem undang-undang digunakan oleh kelas kapitalis untuk mengekalkan kedudukan mereka.
  - (a) Benar
  - (b) Salah

## BAHAGIAN B

Jawab TIGA (3) soalan sahaja (45 markah)

1. Bincangkan bagaimana prinsip-prinsip utama teori Perkawanan Berbeza (Differential Association) Sutherland boleh menjelaskan satu jenis penyelewengan sosial.

2. Apakah maksud teknik-teknik neutralisasi dalam konteks penyelewengan sosial. Huraikan teknik-teknik tersebut dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.
3. Bincangkan teori perikatan sosial (Social Bond) Hirschi. Huraikan dasar dan rancangan kawalan serta pemulihan yang berhubung dengan unsur-unsur 'Social Bond' tersebut.
4. Huraikan teori kawalan (Containment) Reckless. Bincangkan rancangan pemulihan dan kawalan yang harus dibangunkan berasaskan unsur-unsur kawalan teori tersebut.
5. Apakah maksud kebudayaan kecil penyelewengan. Huraikan DUA (2) teori penyelewengan kebudayaan.

**BAHAGIAN C (WAJIB dijawab) (30 markah)**

1. Pilih SATU (1) jenis penyelewengan sosial yang anda telah teliti semester ini.
  - (a) Sejauhmanakah fenomena ini dianggap sebagai satu masalah sosial di Malaysia.
  - (b) Huraikan kadar dan aliran pembangunan fenomena penyelewengan ini.
  - (c) Bincangkan Satu (1) teori khusus yang telah digunakan untuk menjelaskan fenomena ini.
  - (d) Bincangkan mekanisma kawalan formal (termasuk rancangan pemulihan dan kawalan) berhubung dengan fenomena ini.
  - (e) Bincangkan mekanisma kawalan tidak formal yang beroperasi untuk mengawal fenomena ini.

**BAHAGIAN D (WAJIB dijawab) (10 markah)**

2. Huraikan dasar, falsafah dan rancangan pemulihan di Pusat Serenti, Bukit Mertajam.

Angka Giliran \_\_\_\_\_

SAW302 - Penyelewengan dan Kawalan Sosial/  
SAU206 - Penyelewengan Konflik dan Pengawalan

Kertas Jawapan untuk Bahagian A

	( A )	( B )	( C )	( D )	( E )
1.	( )	( )	( )	( )	( )
2.	( )	( )	( )	( )	( )
3.	( )	( )	( )	( )	( )
4.	( )	( )	( )	( )	( )
5.	( )	( )	( )	( )	( )
6.	( )	( )	( )	( )	( )
7.	( )	( )	( )	( )	( )
8.	( )	( )	( )	( )	( )
9.	( )	( )	( )	( )	( )
10.	( )	( )	( )	( )	( )
11.	( )	( )	( )	( )	( )
12.	( )	( )	( )	( )	( )
13.	( )	( )	( )	( )	( )
14.	( )	( )	( )	( )	( )
15.	( )	( )	( )	( )	( )